

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (35)  
Tarikh : 6 Ogos 2014

**Ketua Pengarang  
Harian Metro**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO DI RUANGAN IM LAPOR  
BERTARIKH 6 OGOS 2014, RABU – M.S: 25 (SETEMPAT)**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh **YUYU2589 [IMB9016]** berkenaan masalah status kewarganegaraan.

3. Adalah dimaklumkan JPN perlu mendapatkan maklumat yang khusus dari pengadu agar semakan lanjut boleh dibuat. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon kerjasama pada **YUYU2589** untuk merujuk kepada JPN yang berdekatan bagi membuat semakan dan pengesahan kelayakan status kewarganegaraan.

4. Sebarang permohonan yang dikemukakan kepada JPN perlulah mempunyai bukti berdokumen yang membolehkan permohonan diterima dan diproses. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi Pejabat Perkhidmatan Pelanggan di talian 03-8880 7077/ 7071/ 8206/ 7067 atau melalui emel ke [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)  
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)